For the past five years, the division has recorded year-on-year revenue growth averaging nine per cent. This has resulted from the combination of regular new product and flavour launches with a variety of management measures designed to retain customers, such as the Trade Loyalty Program (Partner Rewards) and a SMART Partnership Programme to assist distributors in building capabilities.

The division continued to strengthen its market presence via consistent investment in coolers, sales equipment and sponsorship. Renewed focus on strengthening capabilities in sales and distribution, manufacturing, supply chain management and human resources helped build stronger operational fundamentals for the division.

Buat pertama kali, bahagian minuman ringan telah menjana jualan yang melebihi angka RM1 bilion dan telah mencatatkan keuntungan operasi tertinggi berjumlah RM112 juta (meningkat enam peratus berbanding tahun sebelumnya).

Pertambahan sebanyak 10 peratus dari segi hasil jualan dan lima peratus dalam volum jualan liter pada tahun dilaporkan berjaya dicapai walaupun menghadapi kenaikan kos akibat harga minyak dan bahan bungkusan yang lebih tinggi dan sentimen pengguna yang lebih berhati-hati.

Sejak lima tahun lepas, bahagian ini telah mencatatkan pertumbuhan tahunan purata sebanyak sembilan peratus. Kadar pertumbuhan ini tercapai hasil gabungan pelancaran produk dan perasa baru serta pelaksanaan pelbagai langkah pengurusan yang dirancang untuk mengekalkan pelanggan, seperti Program Kesetiaan Dagangan (Ganjaran Rakan Niaga) dan Program Perkongsian SMART untuk membantu pengedar membina keupayaan masing-masing.

Bahagian ini terus mengukuhkan kedudukan pasarnya menerusi pelaburan yang konsisten dalam alat pendingin, peralatan jualan dan penajaan. Tumpuan yang berterusan untuk memantapkan keupayaan dalam bidang jualan dan pengedaran, pengilangan, pengurusan rangkaian bekalan dan sumber manusia telah membantu bahagian ini membina asas operasi yang lebih kukuh.

Soft Drinks

Minuman Ringan



The commissioning of an in-house PET bottle blowing facility in August 2005 created manufacturing efficiencies that will result in future significant savings in logistics and warehousing. Participation in the Coca-Cola Enterprise Procurement Group enhanced the division's competitive edge by allowing the division to leverage economies of scale when purchasing raw materials.

The division will continue to drive operational excellence to maximise brand presence. This will be achieved via exceptional marketing execution, including the thrust for pervasive cold-drink presence, aggressive sales equipment population expansion and merchandising innovations. In view of the impact of the volatility of global oil prices on key raw materials, measures were put in place to strengthen management of both cost and risk.

In the division's quest for long term economic growth, equal importance was being placed on social responsibilities and ecological balance. Above all these strategies, investment in human capital has been and will continue to be the overriding driver in achieving the division's long term goals, including the development of managerial talent.



Official launch of the PET blowing plant.
Pelancaran rasmi kilang pengeluaran botol PET.

Pembinaan kemudahan pengeluaran botol PET yang memperlengkapkan lagi kilang sedia ada pada Ogos 2005 telah menghasilkan kecekapan operasi yang bakal memberikan penjimatan besar dalam bidang logistik dan pengangkutan. Penyertaan dalam Coca-Cola Enterprise Procurement Group akan meningkatkan lagi daya saing bahagian ini dengan membolehkannya mengambil kesempatan daripada pembelian bahan mentah secara pukal.

Bahagian ini akan terus memacu kecemerlangan operasi untuk memaksimumkan kekuatan jenama. Matlamat ini akan dicapai menerusi pelaksanaan program pemasaran yang cemerlang, termasuk usaha memperluaskan lagi bekalan minuman sejuk, memperkembangkan jumlah peralatan jualan secara agresif, dan inovasi pembarangan. Memandangkan kesan ketidakpastian harga minyak global ke atas bahan mentah utama, beberapa langkah telah diambil untuk mengukuhkan pengurusan kos dan juga risiko.





During the year the division strengthened its 68-year relationship with The Coca-Cola Company with the renewal of the Bottler's Agreement and the Distributor's Agreement.

The soft drinks division's broad portfolio of products led by 100PLUS, Coca-Cola, Sprite, F&N and SEASONS Asian selection consolidated F&N's leadership in the Malaysian ready-to-drink market, accounting for almost 40 per cent market share. The division's share of the Malaysian carbonated soft drinks market grew further with F&N securing about two thirds of the total market share.

Brand Coca-Cola remained Malaysia's top selling carbonated soft drink, while 100PLUS's dominance of the isotonic segment was reinforced by double digit volume growth.



To symbolically close the deal between F&N and The Coca-Cola Company.
Untuk menandakan penutupan kontrak antara F&N dan The Coca-Cola Company.

Dalam usaha bahagian ini untuk mencapai pertumbuhan ekonomi jangka panjang, tanggungjawab sosial dan keseimbangan ekologi tetap diutamakan. Selain semua strategi ini, pelaburan dalam modal manusia yang selama ini menjadi tunggak utama bahagian ini akan diteruskan untuk mencapai matlamat jangka panjang yang termasuk pembangunan bakat-bakat pengurusan.

Pada tahun ini, Kumpulan telah mengeratkan lagi hubungan dengan The Coca-Cola Company yang telahpun menjangkau 68 tahun apabila kedua-duanya memperbaharui Perjanjian Pembotolan dan Perjanjian Pengedaran.

Portfolio produk bahagian minuman ringan yang luas, diterajui oleh 100PLUS, Coca-Cola, Sprite, F&N dan SEASONS pilihan Asia, telah mengukuhkan penguasaan F&N dalam pasaran minuman sedia diminum Malaysia, dengan menguasai kira-kira 40 peratus bahagian pasaran. Penguasaan pasaran minuman ringan berkarbonat Malaysia terus meningkat dimana F&N telah menguasai dua pertiga daripada jumlah bahagian pasaran.

Jenama Coca-Cola kekal sebagai minuman ringan berkarbonat paling laris di Malaysia, manakala penguasaan 100PLUS dalam segmen isotonik telah diperkukuhkan dengan pertumbuhan volum dua angka.



Soft Drinks

Minuman Ringan



SEASONS grew a further five per cent with Soya Bean Milk leading the growth of this brand in the Asian drinks segment. The division began aggressively marketing the Fruit Tree range of juices during the year. A 150 per cent growth surge underlined the brand's strong potential.

SEASONS extended its product line with the introduction of SEASONS Soya Bean Milk with Rose Syrup and Selasih Seeds while the Fruit Tree range unveiled two new flavours, Mango Nata de Coco and Blackcurrant Aloe.

F & N Blazt and Sprite Remix also made their debut in the same period.

New account acquisitions in the modern on-premise channel, the return of several formerly competitor-dominated outlets and contract renewals brought the division's outlet penetration to more than 1,800 establishments.

The Coca-Cola Singing Can promotion led the brand's consumer promotions by leveraging its strong association with music and technology. The brand also tied up with Malaysia's reality TV show Thirst for Passion: Music Executive.

This supported a music promotion that gave consumers an insight into the workings of the recording industry.



SEASONS terus berkembang sebanyak lima peratus, dengan Susu Kacang Soya menerajui pertumbuhan jenama ini dalam segmen minuman Asia. Bahagian ini mula memasarkan rangkaian jus Fruit Tree secara agresif pada tahun ini. Pertumbuhan ketara sebanyak 150% menggariskan potensi besar jenama ini.

SEASONS telah memperluaskan rangkaian produknya dengan memperkenalkan Susu Kacang Soya dengan Sirap Ros dan Biji Selasih manakala rangkaian Fruit Tree pula telah memperkenalkan dua perisa baru iaitu Mangga dengan cebisan Nata de Coco dan Anggur Hitam dengan cebisan Aloe Vera.

F&N Blazt dan Sprite Remix juga telah dilancarkan dalam tempoh yang sama.

Perolehan akaun baru dalam saluran premis moden, kejayaan mendapatkan semua saluran-saluran yang dulu dikuasai pesaing serta pembaharuan kontrak telah menyaksikan bahagian ini menembusi lebih daripada 1,800 saluran-saluran niaga.



Launching of the TV show : Music Executive.
Pelancaran rancangan TV : Music Executive.



Promotion / Promosi "Live Life Light"

Coca-Cola Light banked on its healthy lifestyle proposition to run a One Calorie, One Carat fun crossword puzzle promotion.

Consistent with the 100PLUS Outdo Yourself battle cry, the 100PLUS Dream Challenge exhorted consumers to share their wildest dreams via writing or voice recording. The brand promised to turn the chosen wildest dream into reality.

During the year, Coca-Cola won The Malaysian Brand Equity Awards 2005 for highest sales growth in the carbonated soft drinks segment. The brand also came third in the overall "highest sales value growth" category, competing with 73 brands for the award. The awards recognise brand value leaders as measured by AC Nielson ratings.



Promosi Coca-Cola Singing Can telah menerajui kegiatan promosi pengguna jenama ini dengan mengambil kesempatan daripada kaitan kukuh jenama dengan dunia muzik dan teknologi. Jenama ini juga terlibat dalam usaha menjayakan rancangan TV realiti Malaysia, Thirst for Passion: Music Executive. Tajaan ini menyokong usaha mempromosi seni muzik, dengan memberi kefahaman mendalam kepada pengguna tentang selok-belok industri rakaman. Coca-Cola Light pula memberi penekanan kepada gaya hidup sihat menerusi promosi teka silang kata menyeronokkan bertajuk One Calorie, One Carat.

Sejajar dengan cogan kata Atasi Segalanya 100PLUS, acara 100PLUS Dream Challenge telah mengajak pengguna berkongsi cita-cita luar biasa mereka secara bertulis atau menerusi rakaman suara. Jenama ini berhasrat menunaikan janji merealisasikan impian luar biasa peserta yang terpilih.

Pada tahun ini, Coca-Cola telah memenangi The Malaysian Brand Equity Awards 2005 atas kejayaannya mencapai pertumbuhan jualan tertinggi dalam segmen minuman ringan berkarbonat. Jenama ini juga telah mendapat tempat ketiga keseluruhan dalam kategori "pertumbuhan nilai jualan tertinggi", berbanding dengan 73 jenama lain. Anugerah-anugerah tersebut telah diadakan untuk mengiktiraf pemimpin nilai jenama berasaskan penarafan AC Nielson.

DAIRY PRODUCTS

PRODUK TENUSU



We have taken proactive steps to maintain our leadership, investing in brand building activities while taking measures to improve productivity and manufacturing efficiencies.

Kami telah mengambil langkah-langkah pro-aktif dalam mengekalkan kepimpinan, pelaburan di dalam aktiviti pembentukan jenama sementara mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan kecekapan produktiviti dan pengeluaran.

Heads of Department of Dairies Operation /
Ketua-ketua Jabatan Operasi Tenusu



From left to right / *Dari kiri ke kanan*
Tham Su Yin (Supply Chain & Procurement / *Rangkaian Pembekalan & Perolehan*)
Quek Jin Wee (Manufacturing / *Perkilangan*), Poh Eng Lip (Sales / *Jualan*),
Edward Liew (General Manager / *Pengurus Besar*), Albert Wong (Marketing / *Pemasaran*),
Ben Yeong (Finance / *Kewangan*), L. Krishnan (External Affairs / *Urusan Luaran*),
Ismail Ibrahim (Human Resource / *Sumber Manusia*),

Despite the difficult operating environment, sustained sales volume increased revenue by nine per cent to RM578 million, with the core sweetened condensed milk (SCM) category accounting for 69 per cent of total net sales. The division registered an improved operating profit of RM39 million (up four per cent on the previous year).

External factors such as escalating prices for key raw materials, fuel, packaging, transportation and related production costs, combined with reduced consumer sentiment, acted as a constraint on the bottom line.

Measures to sustain market leadership as well as improve productivity and manufacturing efficiencies were taken to mitigate rising production costs. These included:

- Enhanced labour productivity to improve production capacity.
- Reformulation of products and introduction of new products to meet market demand.
- Continuous employee training programmes to lay the foundation for a standardised Quality Management System for products, processes and procedures.
- Energy savings programme.

Walaupun menghadapi persekitaran operasi yang mencabar, volum jualan yang mantap telah menyaksikan peningkatan hasil sebanyak sembilan peratus kepada RM578 juta dimana kategori teras susu pekat manis (SCM) telah menjana 69 peratus daripada jumlah jualan bersih. Bahagian ini telah mencatatkan keuntungan operasi lebih tinggi yang berjumlah RM39 juta (meningkat empat peratus berbanding tahun sebelumnya).


Faktor luaran seperti kenaikan harga bahan mentah utama, bahan api, pembungkusan, pengangkutan dan kos pengeluaran berkaitan, serta sentimen pengguna yang merudum, telah menghadkan tahap keuntungan.

Usaha untuk mengekalkan kepimpinan pasaran serta meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi telah diambil untuk menampung kenaikan kos pengeluaran. Langkah-langkah ini termasuk:

- Meningkatkan tahap produktiviti buruh untuk mempertingkatkan kapasiti pengeluaran.
- Perumusan semula produk dan memperkenalkan produk baru untuk memenuhi permintaan pasaran.
- Program latihan yang berterusan bagi kakitangan untuk menyediakan asas bagi Sistem Pengurusan Kualiti terpiawai bagi produk, proses dan prosedur.
- Program penjimatan tenaga.

Dairy Products

Produt Tenusu



During the year, the dairies division was awarded the Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) certification and qualified for the Veterinary Health Mark (VHM) Certificate issued by the Department of Veterinary Services. The VHM Certificate is awarded by the Ministry of Agriculture to food and beverage manufacturers with proven ability to meet stringent global export market standards.

The division introduced best international work practices with a view to achieving ISO 9001:2000 accreditation. It also embarked on an IT-aided system to integrate various disciplines and achieve better production planning to meet market demand and inventory.

In the dairies division emphasis was on brand building to raise consumer awareness of its diversified range of products. Marketing and sales initiatives included advertising and promotional programmes, new product launches, sponsorship of events and collaborative campaigns with key account customers.

F&N SCM maintained market leadership, securing almost half of the total market share in the retail sector, while sales volume in the evaporated milk category expanded by eight per cent.

Pada tahun ini, bahagian tenusu telah memperolehi Sijil Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) serta Sijil Tanda Kesihatan Haiwan (VHM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Sijil VHM ini diberikan oleh Kementerian Pertanian kepada pengilang makanan dan minuman yang terbukti kemampuannya untuk memenuhi piawaian pasaran eksport global yang ketat.



Bahagian ini juga telah memperkenalkan amalan kerja antarabangsa terbaik dengan matlamat mencapai pentauliahan ISO 9001:2000. Ia juga telah melaksanakan satu sistem bantuan IT untuk menyepadukan pelbagai bidang dan mencapai perancangan pengeluaran yang lebih baik bagi memenuhi permintaan pasaran dan inventori.

Di bahagian produk tenusu, penekanan telah diberikan kepada usaha membina jenama untuk meningkatkan kesedaran pengguna tentang rangkaian produknya yang pelbagai. Inisiatif pemasaran dan jualan yang telah dilaksanakan termasuk program pengiklanan dan promosi, pelancaran produk baru, tajaan acara dan kempen usaha sama dengan pelanggan akaun utama.





Cabaran Tariking F&N 2005

The F&N brand remained the favourite ingredient of "teh tarik", reinforced by staging of the seventh edition of Cabaran Tariking F&N. This national competition complemented Government efforts to promote national integration and also provided a tourism promotion benefit.

A label facelift for F&N SCM in the second half of the year was well received by consumers. The label launch was complemented by promotional campaigns to spur consumer loyalty.

Pasteurised juices registered double digit growth in total sales volume for the Sunkist and Fruit Tree brands. This success was attributable to the introduction of several new variants and an integrated marketing campaign that enhanced brand images.

A new range of juices incorporating fruit bits was introduced to a receptive market.



SCM F&N telah mengekalkan kepimpinan pasaran, dengan menguasai hampir separuh daripada bahagian pasaran dalam sektor runcit manakala volum jualan dalam kategori susu sejat telah meningkat sebanyak lapan peratus.

Jenama F&N terus menjadi ramuan kegemaran minuman "teh tarik", dimana popularitinya diperkukuhkan lagi dengan penganjuran edisi ketujuh Cabaran Tariking F&N. Pertandingan ini menyokong usaha Kerajaan menggalakkan perpaduan nasional dan juga mempromosi bidang pelancongan.

Pembaharuan label SCM F&N pada separuh kedua tahun dilaporkan juga mendapat sambutan baik daripada pengguna. Pelancaran label baru tersebut disokong oleh kempen promosi untuk menggalakkan kesetiaan pengguna.

Jus berpasteur telah mencatatkan pertumbuhan dua angka dari segi jumlah volum jualan menerusi jenama Sunkist dan Fruit Tree. Kejayaan ini tercapai hasil daripada langkah-langkah memperkenalkan beberapa perisa baru dan kempen pemasaran bersepadu yang mengukuhkan imej jenama.

Rangkaian jus baru yang mengandungi cebisan buah telah diperkenalkan dan mendapat sambutan baik di pasaran.

Permintaan pengguna bagi jus Sunkist meningkat hasil promosi yang dijalankan sebelum dan sepanjang Tahun Baru Cina. Antara promosi utama ialah tajaan pameran Genting H2O di 1-Utama, Petaling Jaya.



Jus Fruit Tree Fresh juga semakin popular pada tahun ini, khususnya di kalangan muda-mudi Malaysia yang mempunyai keupayaan berbelanja yang seiring dengan volum dan hasil jualan yang semakin meningkat. Faktor penyumbang lain termasuk trend ke arah urbanisasi dan keupayaan produk

Dairy Products

Produt Tenusu



Consumer demand for Sunkist juices was strengthened by promotions during the lead-in to Chinese New Year. Notable was the brand's sponsorship of the Genting H2O showcase at 1-Utama, Petaling Jaya.

Popularity of Fruit Tree Fresh juices also gained momentum during the year, especially among young Malaysians whose increasing spending power mirrored increased sales volume and revenue. Other contributing factors were the accelerating trend towards urbanisation and the products' filling of a niche consumer taste for the tropical flavoured beverage. Sponsorship of popular concerts and blockbuster movies lent impetus the Fruit Tree brand.

tersebut memenuhi cita rasa khusus pengguna yang mahukan minuman berperisa tropika. Tajaan konsert popular dan filem blockbuster terus mendorong jualan jenama Fruit Tree.

Rombakan pakej secara keseluruhan yang dilaksanakan telah memberi suntikan dan nafas baru kepada imej jenama Daisy. Wajah baru ini menonjolkan reka bentuk yang menepati pilihan dan cita rasa pengguna dan juga menguatkan kesetiaan kepada jenama.

Susu Penuh Krim Magnolia yang disteril telah dilancarkan dalam pek botol plastik 445ml dan 890ml dan telah mencapai pertumbuhan yang memberangsangkan.



A total packaging revamp was introduced to breathe new life into the entire Daisy brand image. New packaging was designed to please consumer preference

and taste, as well as to strengthen brand loyalty.

Sterilised Magnolia Full Cream Milk was launched in plastic pack bottles of 445 ml and 890 ml and achieved healthy growth.





In the highly competitive ice cream segment, Magnolia brand sustained sales volume, generating net sales of RM34 million for the year. It scored a "first" as the only local industry player to launch a yogurt ice cream in September 2004.



F&N SCM's consolidation of its position as Malaysia's No 1 brand was rewarded with the Reader's Digest Superbrands 2005 Gold Award in the milk category. Sunkist Juice won the Gold Award in the juice category (Malaysia and Asia). Additionally, the seventh edition of Cabaran TariKing F&N

2005 clinched the Bronze Award in Best Long-Term Marketing and Branding Campaign in the Asian Brand Marketing Effectiveness Awards 2005.

Organised by Media magazine in Singapore, F&N was the only Malaysian brand among several hundred entries from the Asia Pacific region.

Dalam segmen aiskrim yang amat kompetitif, jenama Magnolia telah mengekalkan volum jualan, menjana jualan bersih RM34 juta pada tahun dilaporkan. Ia adalah 'pelopor' dalam segmen aiskrim dadih yang dilancarkan pada September 2004.

Usaha mengukuhkan kedudukan SCM F&N sebagai jenama No.1 Malaysia nyata berhasil apabila ia diiktiraf sebagai pemenang Anugerah Emas Reader's Digest Superbrands dalam kategori susu. Jus Sunkist memenangi Anugerah Emas dalam kategori jus (Malaysia dan Asia). Di samping itu, edisi ketujuh Cabaran TariKing F&N 2005 berjaya meraih Anugerah Gangsa Kempen Pemasaran dan Penjenamaan Jangka Panjang di Asian Brand Marketing Effectiveness Awards 2005 anjuran majalah Media Singapura. F&N merupakan satu-satunya jenama dari Malaysia di kalangan beberapa ratus penyertaan dari rantau Asia Pasifik.



GLASS CONTAINERS

BEKAS KACA



By rationalising our resources as well as modernizing and expanding our production capabilities, we are on track to becoming a leading manufacturer within the region.

Melalui rasionalisasi sumber-sumber serta memodenisasi dan meningkatkan kemampuan pengeluaran kami, kami masih di dalam landasan untuk menjadi pengeluar yang utama di antara rantau.

**Heads of Department of Glass Containers Operations /
Ketua-ketua Jabatan Operasi Bekas Kaca**



From left to right / *Dari kiri ke kanan*
S. Karunakaran (Finance / *Kewangan*), Raymond Lee (General Manager / *Pengurus Besar*, Malaya-Vietnam Glass)
Mogan Muniandy (General Manager / *Pengurus Besar*),
Tan Cheng Pin (General Manager / *Pengurus Besar*, Sichuan-Malaya Glass)
Lee Hong Cho (Technical & Operations / *Teknikal & Operasi*)

The glass container division achieved turnover of RM281 million, a six per cent increase on the prior year and registered an improved operating profit of RM15 million, up 45 per cent on the previous year.

The higher revenue was attributable to the increased volume and higher selling prices of its China operations in Sichuan. Despite operating at full capacity, Sichuan continued to perform below expectation due to the area's hitherto low pricing structure and small customer base. However, after two years of losses, it is now in recovery and is expected to break even in the 2005/2006 financial year.

The Sichuan China plant's automated, high-speed production lines turn out innovative, fine quality, flint liquor bottles of various shapes and sizes for a wide range of beverages. The plant's advanced technology enables the bottles to feature decal labelling, ceramic colour printing and matt finishing for niche customers who manufacture locally-branded beverages.




Bahagian bekas kaca telah mencatatkan perolehan sebanyak RM281 juta, peningkatan enam peratus berbanding tahun sebelumnya dan telah meraih keuntungan operasi yang lebih tinggi sebanyak RM15 juta, kenaikan 45 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Hasil yang lebih tinggi itu adalah hasil kenaikan volum dan harga jualan lebih tinggi yang dicapai oleh operasi di Sichuan, China. Walaupun beroperasi pada kapasiti penuh, Sichuan terus mencatatkan keputusan di bawah jangkaan akibat struktur harga yang rendah dan bilangan pelanggan yang kecil di kawasan itu. Namun selepas mengalami kerugian selama dua tahun, ia kini semakin pulih dan dijangka pulang modal pada tahun kewangan 2005/2006.

Talian pengeluaran berautomasi berkelajuan tinggi di kilang di Sichuan, China mengeluarkan botol flin yang berinovatif dan bermutu tinggi dalam pelbagai bentuk dan saiz untuk pelbagai jenis minuman. Teknologi canggih yang dimiliki oleh kilang tersebut membolehkan botol-botol yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri pelabelan decal, percetakan warna seramik dan kemasan kusam untuk pelanggan-pelanggan khusus yang mengeluarkan minuman jenama tempatan.

Glass Containers

Bekas Kaca



One furnace in the Johor Bahru plant collapsed at the beginning of the financial year, requiring outsourcing of supplies to meet customer commitments. The furnace collapse was covered by insurance, but the business interruption and the need to outsource supplies incurred substantially higher operating costs which dampened profitability.

Poor results in Sichuan and Johor were offset by improved performance at the Kuala Lumpur and Vietnam plants. The Vietnam plant's newly built furnace operated at full capacity, compensating for shortfalls in other production centres.

Also, the Malaysian glass plants yielded increased output with less labour at the beginning of the year. This resulted from the strategic rationalisation of resources and modernisation of the plants and processes. Right-sizing was achieved via a voluntary separation scheme that provided win-win solutions for both the employees and the business.

For the past two years, the glass division's profitability has been below expectations due to losses suffered by its China operations, lower production capacity due to the rebuilding of two old furnaces, one each in Johor Bahru and Vietnam and an unexpected furnace failure at the Johor Bahru plant.


Sebuah relau di kilang Johor Bahru yang musnah pada awal tahun ini menyebabkan bekalan terpaksa diperolehi dari sumber luar untuk memenuhi komitmen kepada pelanggan. Meskipun relau tersebut dilindungi oleh insurans, gangguan kepada perniagaan dan usaha mendapatkan bekalan dari sumber luar telah meningkatkan kos operasi dan mengurangkan tahap keuntungan.

Keputusan yang kurang memuaskan di Sichuan dan Johor telah diimbangi oleh prestasi yang memberangsangkan di kilang Kuala Lumpur dan Vietnam. Relau yang baru dibina di kilang Vietnam telah beroperasi pada kapasiti penuh, justeru mampu menampung kekurangan di pusat-pusat pengeluaran lain.

Di samping itu, kilang-kilang kaca di Malaysia telah menghasilkan output lebih tinggi dengan bilangan buruh yang lebih rendah pada awal tahun. Peningkatan prestasi ini tercapai hasil perasionalan tenaga kerja dan sumber serta pemodenan kilang dan proses. Usaha mencapai saiz operasi yang paling sesuai dilaksanakan menerusi skim pemberhentian secara sukarela. Penyelesaian ini saling membawa manfaat kepada kakitangan dan juga bahagian.

Sejak dua tahun lalu, tahap keuntungan bahagian kaca berada di bawah jangkaan ekor kerugian yang dialami oleh operasi di China, kapasiti pengeluaran lebih rendah akibat pembinaan semula dua relau usang, satu di Johor Bahru dan satu lagi di Vietnam, dan kerosakan relau yang tidak dijangka di kilang Johor Bahru.

Walaupun tahun hadapan pasti menghadapi pelbagai cabaran, kemampuan kilang di China untuk pulang modal dan usaha mencapai kecekapan lebih tinggi dan menampung kos operasi di Malaysia memberi sinar harapan untuk mencatatkan prestasi keseluruhan yang lebih baik.





While the year ahead will be challenging, achievement of break even in China combined with improved efficiency and cost containment in the Malaysian operations offer prospects for improved overall performance.

Malaya Glass Products Sdn Bhd signed a joint venture agreement with Thai Asia Pacific Brewery Co Ltd and Siam Glass Industry Co Ltd for the creation of a US\$35 million glass plant north of Bangkok. Malaya Glass has a controlling 70 per cent stake in the JV and exercises management control. Construction work on the plant is expected to begin in January 2006 and is scheduled to become operational by June 2007. The plant will have a production capacity of 70,000 tonnes of glass containers for local and overseas markets.

With five plants in four East Asian countries, the division will be the only regional manufacturer of glass containers capable of meeting MNC customers' demand for product from multiple sources.



Malaya Glass Products Sdn Bhd telah menandatangani perjanjian usaha sama dengan Thai Asia Pacific Brewery Co Ltd dan Siam Glass Industry Co Ltd untuk membina sebuah kilang kaca bernilai US\$35 juta di utara Bangkok. Malaya Glass memiliki kepentingan sebanyak 70 peratus dalam usaha sama ini dan mempunyai kawalan pengurusan. Kerja-kerja pembinaan kilang dijangka bermula pada Januari 2006 dan kilang ini dijadual akan beroperasi pada Jun 2007. Kilang ini dijangka mempunyai kapasiti mengeluarkan 70,000 tan bekas kaca untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Dengan adanya lima kilang di empat negara Asia Timur, bahagian ini bakal menjadi satu-satunya pengilang bekas kaca serantau yang mampu memenuhi permintaan pelanggan MNC bagi produk daripada berbilang sumber.




Joint venture signing ceremony.
Upacara menandatangani perjanjian usahasama.



PROPERTY

HARTANAH



Our foray into the sector has been auspicious, with sales indicating that it will continue to unlock the value of land owned by the Group and be a long-term contributor to the return on equity.

Penglibatan kami di dalam sector hartanah telah menampakkan kejayaan, dengan hasil jualan yang menunjukkan bahawa ia akan terus membuka nilai tanah yang dimiliki oleh Kumpulan dan memberi sumbangan jangka-panjang ke atas pulangan ekuiti.

Heads of Department of Property Operation /
Ketua-ketua Jabatan Operasi Hartanah



From left to right / *Dari kiri ke kanan*
Raymond Chong (Senior Manager, Property / *Pengurus Kanan, Hartanah*),
Bay Hee Choon (Project Manager / *Pengurus Projek*),
Ir. Cheah Hong Chong (General Manager, Property Division / *Pengurus Besar, Bahagian Hartanah*)

Fraser Park, Phase I of the property division's maiden commercial development at Jalan Foss, Kuala Lumpur, was fully sold, generating sales worth RM181 million and is expected to contribute an operating profit of more than RM50 million.

Piling was completed and building commenced in March 2005. Construction progresses steadily, with 46 per cent of Phase I completed at the end of the 2004/2005 financial year. Completed units are expected to be handed over to buyers by end of next year.

Phase II is currently at an advanced stage of planning and is expected to be launched in 2006.

On completion, the entire 20-acre Jalan Foss property project is expected to have a total gross development value of more than RM500 million and is targeting a profit of about RM120 million.

Redevelopment of the Jalan Foss site, formerly occupied by an F&N factory, is the first step towards unlocking the value of land acquired by the Group 45 years ago.

Fraser Park, Fasa I pembangunan komersil sulung bahagian hartanah F&N di Jalan Foss Kuala Lumpur telah dijual sepenuhnya, menghasilkan jualan berjumlah RM181 juta dan dijangka menyumbang keuntungan operasi berjumlah lebih daripada RM50 juta.

Kerja-kerja memantak cerucuk telah siap dan pembinaan telah bermula pada Mac 2005. Pembinaan telah berjalan dengan lancar, dengan 46 peratus Fasa I telah siap pada akhir tahun kewangan 2004/2005. Unit-unit yang telah siap dijangka akan diserahkan kepada pembeli menjelang akhir tahun depan.

Fasa II kini dalam peringkat perancangan akhir dan pelancarannya dijadualkan pada 2006.

Apabila siap kelak, seluruh projek hartanah Jalan Foss seluas 20 ekar ini dijangka mempunyai nilai pembangunan kasar berjumlah lebih daripada RM500 juta, dengan sasaran keuntungan kira-kira RM120 juta.

Pembangunan semula tapak Jalan Foss, yang dulunya menempatkan kilang F&N, adalah langkah pertama untuk merealisasikan nilai tanah yang diperolehi oleh Kumpulan pada 45 tahun lepas.



Fraser Park.

HUMAN RESOURCE

SUMBER MANUSIA



Shared Service Centre offsite workshop in Kuantan.
Bengkel untuk Pusat Perkhidmatan Bersama Kewangan di Kuantan.

The Group's human resource mission continued to emphasise staff learning and development and employee welfare in line with F&N's aspiration to be recognised as a caring employer.

Learning and development were promoted throughout the year via numerous training and development programs that aimed to enhance executives' presentation skills, project management, creative thinking and finance knowledge.

A six-day F&N Management Development Programme was developed for emerging high-potential leaders who will be fast tracked to assume greater responsibility, while for senior managers, a Visionary Leadership Programme was conducted to enhance their leadership skills.

A customised programme was introduced to transform the Finance Shared Services Centre into a performance and service oriented department. Another workshop focused on the importance of entrepreneurial spirit in delivering real business values was conducted for Project Enterprise.

A web-based E-learning training module was introduced to the soft drinks division to promote self-improvement in various aspects of management and technical skills. Plans are underway to broaden the reach of this module to ensure that E-learning becomes part of the soft drinks division's culture.

Misi sumber manusia Kumpulan terus memberi penekanan kepada pembelajaran dan pembangunan kakitangan serta kebajikan mereka selaras dengan aspirasi F&N untuk diiktiraf sebagai majikan yang prihatin.

Pembelajaran dan pembangunan diadakan sepanjang tahun menerusi pelbagai program latihan dan pembangunan yang bertujuan meningkatkan kemahiran pembentangan, pengurusan projek, pemikiran kreatif dan pengetahuan kewangan para eksekutif yang menyertai program tersebut.

Program Pembangunan Pengurusan F&N selama enam hari telah diadakan untuk bakal pemimpin yang berbakat dan berpotensi untuk menyediakan mereka dalam memikul tanggungjawab yang lebih besar. Sementara itu, para pengurus kanan telah menyertai Program Kepimpinan Wawasan yang dianjurkan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan.

Satu program khusus telah diadakan dengan matlamat menjadikan Pusat Perkhidmatan Bersama Kewangan sebuah jabatan berprestasi tinggi dan berorientasikan perkhidmatan. Sebuah bengkel juga diadakan untuk "Project Enterprise" bagi menekankan semangat keusahawanan dalam usaha mencapai nilai perniagaan sebenar.

Satu modul latihan E-pembelajaran berasaskan web menggalakkan kemajuan diri dalam pelbagai aspek pengurusan dan kemahiran teknikal telah diadakan. Rancangan kini dirangka untuk memperluas capaian modul ini untuk menjamin E-pembelajaran terus diterapkan dalam budaya bahagian minuman ringan.

Sebagai sebahagian daripada proses Perancangan Perniagaan Tahunan bahagian sumber manusia dan selaras dengan matlamat Kumpulan untuk menyediakan persekitaran kerja yang kreatif dan inovatif, ketua-ketua bahagian minuman ringan dan kakitangan lain yang terpilih telah menghadiri bengkel Idea Factory. Bengkel ini menunjukkan cara mencetus daya imaginasi, termasuk keupayaan menghasilkan idea yang radikal. Ia juga membolehkan peserta memanfaatkan amalan terbaik dalam proses pemikiran kreatif apabila membuat keputusan perniagaan.

As part of our human resource Annual Business Planning process and in line with the Group's goal of providing a creative and innovative working environment, heads of the soft drinks division departments and other selected staff attended an Idea Factory workshop. The workshop demonstrated how to unleash imaginative powers, including the ability to generate radically different ideas. It also enabled participants to discover best practices in creative thought processes when making business decisions.

In support of Government efforts to promote a safe and healthy work environment, F&N organised a Group Safety and Health Forum for senior management of all business units. The forum discussed requirements of the Occupational Safety & Health Act and how business units could establish a road map leading to their certification for an Occupational Safety & Health Management System.

Chairman's Awards

The F&N Chairman's Awards reward young beneficiaries - all children of F&N Group employees — for academic excellence in public examinations. Now in their third year, the Awards were initiated to celebrate the Group's 120th anniversary celebrations with an endowment of RM1.2 million in 2003.

The awards and the number of recipients have grown every year and have now disbursed cash awards of more than RM380,000 to 358 children of the F&N Family of employees.

In the year just ended, RM165,600 was distributed to 133 children of the F&N Family who did well in various examinations and in tertiary education.



Staff attending the Idea Factory Workshop.

Kakitangan menghadiri Bengkel Idea Factory.

Dalam menyokong usaha Kerajaan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat dan sihat, F&N telah menganjurkan Forum Keselamatan dan Kesihatan Kumpulan bagi pihak pengurusan kanan semua unit perniagaan. Forum tersebut membincangkan keperluan Akta Keselamatan & Kesihatan Kerja dan bagaimana unit-unit perniagaan dapat merangka pelan untuk mendapatkan pensijilan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerja.

Anugerah Pengerusi

Anugerah Pengerusi F&N memberi ganjaran kepada golongan pelapis negara -anak-anak warga Kumpulan F&N - sebagai penghargaan kecemerlangan akademik dalam peperiksaan awam. Anugerah tersebut, yang kini masuk tahun ketiga, diwujudkan sempena perayaan ulang tahun ke-120 Kumpulan, dengan dana pembiayaan berjumlah RM1.2 juta pada 2003.

Bilangan penerima Anugerah meningkat setiap tahun dan sehingga kini ganjaran tunai melebihi RM380,000 telah diberikan kepada 358 orang penerima yang terdiri dari anak-anak warga F&N.

Pada tahun ini sahaja sejumlah RM165,600 telah disampaikan kepada 133 orang anak-anak warga F&N yang telah berjaya mencatatkan keputusan yang cemerlang dalam pelbagai peperiksaan dan juga pengajian tinggi.



F&N Chairman's Award.

Anugerah Pengerusi F&N.

COMMUNITY INVOLVEMENT & CARE OF THE ENVIRONMENT

PENGLIBATAN MASYARAKAT & PENJAGAAN ALAM



Festive cheer for old folks.
Perayaan untuk orang-orang tua.

As a consumer-oriented Group, F&N pursues a policy of Social Corporate Responsibility that emphasises interaction with the communities from which its businesses draw their success and in support of the government's promotion of a gentler, more caring and harmonious Malaysian society.

Examples of community involvement in the year of review were the presentation by the F&N soft drinks division of festive cheer to residents of the Salvation Army's Home for the Aged in Jelapang, Ipoh. Meanwhile, the dairies division continued its caring and sharing policy with monthly contributions of milk products to several orphanages, homes for the aged and charitable organisations in the Klang Valley.

Sebagai sebuah Kumpulan berasaskan pengguna, F&N mempunyai dasar Tanggungjawab Sosial Korporat yang menekankan interaksi dengan masyarakat setempat yang menjadi tunjang kejayaan perniagaannya. Di samping itu, ia juga bertujuan menyokong usaha kerajaan membina masyarakat Malaysia yang lebih prihatin, penyayang dan harmoni.

Contoh penglibatan kemasyarakatan F&N pada tahun dilaporkan termasuk pemberian hadiah perayaan oleh bahagian minuman ringan F&N kepada penghuni Rumah Orang-Orang Tua Salvation Army di Jelapang, Ipoh. Sementara itu, bahagian produk tenusu meneruskan dasar prihatin dan dermanan dengan memberikan sumbangan produk tenusu bulanan kepada beberapa rumah anak yatim, rumah orang-orang tua dan badan kebajikan di Lembah Klang.



Handing over contribution to MRCS national Chairman for the tsunami disaster fund.
Penyampaian derma kepada Pengerusi MRCS untuk tabung tsunami.



The presentation of a mock key signifying F&NCC and Microsoft's sponsorship.
Penyampaian kunci sebagai tanda penajaan F&NCC dan Microsoft.

Other community service projects included:

- Adoption for a day of children from three needy institutions in the Klang Valley and their exposure to team building and social interaction to promote greater racial harmony.
- Refurbishing of more than 100 computers for donation to district schools in Muar to promote usage of IT and also to help bridge the digital divide.
- Donation in cash and kind to victims of the 2004 tsunami disaster that hit Malaysia, Thailand, Indonesia and Sri Lanka - with F&N matching contributions by Group employees on a one-for-one basis.

In the area of sports development, 100PLUS continued its sponsorship of grassroots, national and regional events. The brand's sponsorship programme now extends to numerous competitive sports, including cycling, hockey, badminton, soccer, golf, triathlons, marathons, walking events, beach volleyball and bowling.



Little Jason smiling proudly when receiving the goodie bag.

Adik Jason senyum dengan bangganya apabila menerima pek hadiah.



The Champs posing with their trophies.

Juara bergambar bersama trofi mereka.

Projek-projek khidmat kemasyarakatan lain termasuk:

- Pengambilan kanak-kanak daripada tiga badan kebajikan di Lembah Klang sebagai anak angkat selama sehari untuk mendedahkan mereka kepada pembangunan berpasukan dan interaksi sosial bagi mengeratkan lagi hubungan antara kaum.
- Membaik pulih lebih daripada 100 buah komputer untuk disumbangkan kepada sekolah-sekolah di daerah Muar sebagai usaha menggalakkan penggunaan IT dan merapatkan jurang digital.
- Sumbangan dalam bentuk barangan dan wang tunai kepada mangsa tsunami 2004 yang melanda Malaysia, Thailand, Indonesia dan Sri Lanka dimana F&N telah menggandakan sumbangan kakitangan Kumpulan atas dasar seringgit untuk seringgit.

Dalam bidang pembangunan sukan, 100PLUS telah meneruskan tajaan acara di peringkat akar umbi, kebangsaan dan serantau. Program tajaan jenama kini merangkumi pelbagai sukan kompetitif seperti lumba basikal, hoki, badminton, bola sepak, golf, triatlon, maraton, acara jalan kaki, bola tampar pantai dan boling.

Community Involvement & Care of the Environment

Penglibatan Masyarakat & Penjagaan Alam Sekitar

Natural Gas supply station.
Stesen pembekal Gas Asli.



On the environmental front, the Group adopted a more vigorous "green" policy during the year. This included investing several million ringgit for the conversion of manufacturing operations from medium fuel oil to natural gas. This initiative reduced our dependence on fossil fuels and contributes to a cleaner, greener environment.

The Group's soft drinks, dairies and one of its glass manufacturing plants (in Johor Bahru) were all converted to natural gas and our other Malaysian glass plant in Petaling Jaya is targeted for conversion by the end of 2005.

In Sarawak, work was commenced on a RM2.6 million project to upgrade the waste water treatment facilities of the soft drinks division's Kuching plant. Meanwhile, Project Okara - the recycling of organic waste extracted from soya bean at our Shah Alam soft drinks plant - continued to build momentum.

Dari segi alam sekitar, Kumpulan menguatkan iltizamnya untuk mengamalkan dasar 'mesra alam' sepanjang tahun. Ini termasuk melabur beberapa juta ringgit bagi menukar operasi pengilangan daripada menggunakan bahan api fosil kepada gas asli. Inisiatif ini mengurangkan penggantungan kepada bahan api fosil dan menyumbang kepada persekitaran yang lebih bersih dan mesra alam.

Bahagian minuman ringan, tenusu dan salah satu daripada kilang pengeluaran kaca (di Johor Bahru) semuanya bertukar kepada penggunaan gas asli manakala kilang kaca Malaysia yang lain di Petaling Jaya dijangka menukar sumber bahan apinya menjelang akhir 2005.

Di Sarawak, kerja-kerja melaksanakan projek bernilai RM2.6 juta untuk menaik taraf kemudahan rawatan air kumbahan bagi bahagian minuman ringan Kuching sudah dimulakan. Sementara itu, Projek Okara - iaitu usaha mengitar semula bahan buangan organik daripada kacang soya di kilang minuman ringan - kini semakin giat dilaksanakan.



Launching the RM1 million Project Okara.
Pelancaran Projek Okara RM1 juta.

corporate governance

pengawasan korporat

050 Statement on Corporate Governance

054 Report on Audit Committee

056 Statement on Internal Controls

057 Statement on Directors' Responsibility

058 *Penyata Tadbir Urus Korporat*

062 *Laporan Jawatankuasa Audit*

064 *Penyata Kawalan Dalaman*

065 *Penyata Tanggungjawab Pengarah*

statement on corporate governance

Introduction

The Company is fully committed to good corporate governance and fair dealing in all its activities.

It subscribed fully to the principles and best practices promoted by the Malaysian Code of Corporate Governance. This statement describes the practices that the Company had taken with respect to each of the key principles and the extent of its compliance with the code during the financial year.

The Board

The Board of Directors was elected by the shareholders and held the ultimate decision making authority, except for matters reserved by law or by its articles of association to its shareholders. Formal processes and structures were in place to assist the Board in carrying out its responsibilities and its decisions were normally taken as a whole.

The Board oversee the business affairs of the Group. It approve strategic plans, key business initiatives, major investment and funding decisions, reviewed financial performance, determined compensation and succession plans for senior management and ensured adequate internal controls. These actions were carried out directly by the Board and through Board Committees. Assisting the Board were three board committees: Nominating, Audit and Remuneration. (More details are given below.) On a day-to-day basis, the Board delegated the conduct of operating matters to its Chief Executive Officer (CEO), who is also a member of the Board.

1) Composition and Board Balance

The Company's Articles of Association currently provides for a board composed of a maximum of 11 directors. The present Board comprised 11 directors, whose varied skills and vast experience were relevant to the Group's business operations.

The Board was broadly balanced to reflect the interests of major shareholders, management and minority shareholders. Of the 11 directors, six were nominees of the two largest shareholders and four were independent. The 11th member was the CEO. With the exception of the CEO, all directors were non-executive.

An independent, non-executive chairman headed the Board. Mr. Leslie Struys is the appointed senior director to act as an additional channel for communication for corporate governance matters within the Company.

2) Board Processes and Committee Activities

During the financial year, the Board held seven meetings, while the relevant Committees had eight meetings. Record of directors' attendance (taking into account the date of their respective appointments) is contained in the table below. Four board meetings were held at the registered office of the Company, while the other three meetings were held off-site in Kuala Lumpur and Singapore.

Pages 16 to 18 of this Annual Report contain a profile of each member of the Board.

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Director	Board	Audit Committee	Nominating Committee	Remuneration Committee
Tengku Syed Badarudin Jamalullail #	(7/7) [▲]	(4/4) [▲]	(1/1) [▲]	(3/3) [▲]
Tan Sri Dato' Dr Lin See Yan #	(6/7) [▲]	(4/4) [▲]	(1/1) [▲]	
Datuk Fong Weng Phak	(7/7) [▲]	(4/4) [▲]		
Dr Radzuan bin A Rahman	(7/7) [▲]		(1/1) [▲]	
Lee Kong Yip	(7/7) [▲]			(3/3) [▲]
Leslie Oswin Struys #	(7/7) [▲]	(4/4) [▲]	(1/1) [▲]	(3/3) [▲]
Tan Ang Meng	(7/7) [▲]			
Dr Han Cheng Fong	(6/7) [▲]		(1/1) [▲]	(3/3) [▲]
Anthony Cheong Fook Seng	(7/7) [▲]	(4/4) [▲]		
Dato' Dr Mohd Shahar bin Sidek	(7/7) [▲]			
Dato' Anwarrudin bin Ahamad Osman # (Appointed at AGM on 20 January 2005)	(3/4) [▲]			
Huang Hong Peng (Alternate to Dr Han Cheng Fong - appointed on 1 April 2005)	(3/3) [▲]			

Note: [▲] denote membership and () indicate meetings attended out of total scheduled since the beginning of the financial year or appointment date. # denote independent member of the board

The key role of the Nominating Committee was to review recommendations for Board appointments and Board Committees. Formed in May 2001, it comprised five non-executive directors, three of whom were independent. All members attended the sole meeting scheduled during the year. Proposed changes in the composition of the main Board, committees and subsidiary boards were reviewed at this meeting prior to submission for recommendation to the Board. They also reviewed and kept abreast of developments in the area of board performance assessment.

The Remuneration Committee, formed in May 2001, comprised four non-executive board members. Apart from its responsibility of reviewing succession planning and remuneration policies and practices of the Group, it also supervised the allocation of share options to employees under the Group's ESOS scheme. Three meetings were held during the year.

A separate report on the activities of the Audit Committee is contained on pages 54 to 55 of this Annual Report.

3) Access to information

